

**TEKS UCAPAN PUAN FADILAH BAHARIN,
KETUA PENGARAH JABATAN STANDARD
MALAYSIA**

**DI MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL AKREDITASI
SKIM AKREDITASI MAKMAL MALAYSIA (SAMM)
BERDASARKAN STANDARD MS ISO/IEC 17025:2005**

**20 FEBRUARI, BERTEMPAT DI KOMPLEKS
CANSELOR, UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS**

**YBhg. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Haji
Hashim**

Naib Canselor,
Universiti Teknologi PETRONAS

Para tetamu jemputan, tuan-tuan dan puan-puan
sekalian,

Assalamualaikum wa rahmatullahi wa
baraakatuh dan Salam sejahtera.

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada warga *Control and Instrumentational Laboratory* dan *Centralised Analytical Laboratory* atas usaha dan komitmen yang diberikan sehingga berjaya mendapat akreditasi Skim Akreditasi Makmal Malaysia atau singkatannya SAMM, berdasarkan Standard Malaysia, MS ISO/IEC 17025:2005 iaitu *General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories* daripada Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) pada November dan Disember 2013.

Universiti Teknologi PETRONAS kini mempunyai tiga (3) buah makmal yang telah diakredit oleh Standards Malaysia. Universal Testing Machine (UTM) Laboratory merupakan makmal pertama UTP yang mendapat akreditasi bagi bidang pengujian kimia dan mekanikal.

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan,

Di pagi yang berbahagia ini, izinkan saya menerangkan secara ringkas peranan dan tanggungjawab Standards Malaysia.

Standards Malaysia merupakan sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Jabatan ini telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996.

Peranan utama kami adalah untuk membangunkan Standard Malaysia (MS) dan untuk menggalakkan penggunaannya.

Di samping itu, kami juga merupakan Badan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk memberi akreditasi kepada badan penilaian pematuhan (*conformity assessment bodies*) seperti makmal pengujian dan penentukuran atau kalibrasi, badan-badan pensijilan dan badan-badan pemeriksaan.

Sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan, Standards Malaysia telah membuat pelaburan yang besar dalam aktiviti standard dan akreditasi yang berkaitan, mengadakan promosi dan program-program kesedaran mengenai kepentingan dan faedah berkaitan standard dan akreditasi.

Bagi merencanakan lagi program – program kesedaran ini, saya amat mengalu-alukan dan menghargai sebarang bentuk program *outreach* dan aktiviti promosi yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi swasta yang menyedari akan kepentingan standard dan akreditasi dalam membantu dalam pengkomersialan R&D.

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan,

Sehingga kini Standards Malaysia telah mengakredit sejumlah 626 buah makmal bagi pelbagai jenis pengujian semenjak skim akreditasi makmal diperkenalkan di negara ini pada tahun 1987. Pada tahun lepas, sebanyak 61 makmal dan badan pensijilan telah mendapat akreditasi Standards Malaysia.

Daripada jumlah itu, sebanyak 16 buah makmal adalah makmal-makmal institusi pengajian tinggi. Berdasarkan data daripada Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menunjukkan bahawa IPT kini menyedari akan kepentingan akreditasi dalam menjamin kualiti pengujian yang dijalankan.

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan,

Standards Malaysia juga telah menjalankan lebih 600 penilaian (*assessment/audit*) ke atas makmal dan badan pensijilan sepanjang tahun 2013. Jumlah *hits* laman web Standards Malaysia pada tahun 2013 merekodkan sebanyak 91, 968 pelawat dan direktori makmal merupakan halaman yang paling kerap dikunjungi.

Trend ini membuktikan bahawa kesedaran mengenai kepentingan akreditasi semakin meningkat.

Bagi menyokong aktiviti akreditasi ini, Standards Malaysia telah melantik lebih dari 200 orang penilai dari pelbagai bidang bagi membolehkan penilaian yang dilaksanakan menepati keperluan teknikal yang digariskan.

Dengan mengambilkira perkembangan semasa, Standards Malaysia akan terus mengembangkan skop-skop akreditasi yang ditawarkan.

YBhg. Datuk,/Tuan-tuan/Puan-puan,

Ingin saya menarik perhatian bahawa dengan pematuhan kepada MS ISO/IEC 17025,

sesebuah makmal itu diakui mempunyai kompetensi dalam aktiviti pengujian dan pengurusan kualiti dan dapat memberikan keputusan pengujian yang diyakini serta kredibel.

Justeru itu, keyakinan klien atau pengguna terhadap perkhidmatan pengujian yang diberikan oleh makmal akan meningkat. Ini sudah tentunya akan memberikan kelebihan kepada makmal tersebut kerana makmal yang mempunyai kepakaran dan kebolehan teknikal akan menjadi pilihan, sekali gus dapat mengurangkan risiko perkhidmatan pengujian yang tidak tepat.

Seperti kita semua sedia maklum, kos dan masa untuk pengujian semula akan meningkat jika pengujian tidak dijalankan dengan betul dan memenuhi kehendak-kehendak standard yang digunapakai.

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan,

Skim-skim akreditasi Standards Malaysia juga telah memberikan faedah kepada industri dan pengguna iaitu dari segi penjimatan kos di mana kedua-dua pihak berasa terjamin terhadap produk yang dikehendaki sama ada daripada segi kualiti ataupun keselamatan.

Di sinilah Standards Malaysia selaku Badan Akreditasi Kebangsaan akan terus memainkan peranannya dengan melaksanakan proses penilaian yang telus bagi memantau kebolehpayaan dan prestasi makmal secara berterusan.

Sukacita saya maklumkan di sini bahawa Standards Malaysia beroperasi berdasarkan

prosedur yang dipersetujui di peringkat antarabangsa di mana tahap profesionalisme dan integritinya adalah dikawal dan dipantau.

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan,

Bagi memperluaskan pengiktirafan di peringkat antarabangsa, satu mekanisma yang dikenali sebagai Perjanjian persefahaman pelbagai hala atau *Mutual Recognition Arrangement* (MRA) dilihat sebagai satu proses yang berkesan dan menjimatkan kos. MRA yang telah ditandatangani oleh Standards Malaysia di bawah *Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation* (APLAC) membolehkan penerimaan hasil keputusan ujian makmal yang telah mendapat akreditasi diiktiraf oleh badan-badan akreditasi negara lain di dalam perjanjian tersebut.

Sukacita saya maklumkan di sini, Singapura, Jepun, India, Amerika Syarikat dan China merupakan antara negara yang kerap mengakses laman web Standards Malaysia bagi mendapatkan maklumat makmal-makmal yang diakredit oleh Standards Malaysia.

YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan,

Saya percaya warga makmal *Control and Instrumentational Laboratory* dan *Centralised Analytical Laboratory* akan lebih yakin, dalam menghasilkan laporan pengujian yang mempunyai status diakreditasi, kerana setiap prosedur, kaedah dan peralatan yang digunakan oleh mereka telah dinilai dan diiktiraf, oleh Standards Malaysia.

YBhg. Datuk/ tuan-tuan dan puan-puan,

Saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas pengiktirafan ini dan berharap semoga makmal *Control and Instrumentational Laboratory* dan *Centralised Analytical Laboratory* terus mengekalkan pengiktirafan ini serta seterusnya menjadi contoh kepada makmal-makmal terutamanya bagi institusi pengajian tinggi yang lain di Malaysia.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk kerana telah menjemput saya ke majlis ini bagi menyampaikan sijil akreditasi pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.